

04 FEB 1999

Hun Sen-Ketibaan

HUN SEN TIBA BAGI LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Kemboja Hun Sen tiba di sini, hari ini, bagi lawatan rasmi tiga hari untuk meningkatkan hubungan dua hala dengan Malaysia.

Pemimpin Kemboja itu, yang tiba di sini atas jemputan rakan sejawatnnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka mengambil peluang untuk menarik usahawan tempatan melabur di negara itu dengan memberi jaminan akan kestabilan politik di Kemboja.

Hun Sen dan Dr Mahathir dijangka membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang dianggap penting oleh kedua-dua negara.

Ketibaan Hun Sen dan delegasinya di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Antara anggota delegasi Hun Sen ialah Menteri Luar Hor Namhong dan Menteri Kewangan Keat Chhon,

Ini merupakan lawatan pertama Hun Sen ke Malaysia sejak pilihan raya negara itu tahun lepas.

Selepas tiba, pemimpin Kemboja itu di bawa ke Medan Parlimen untuk majlis sambutan rasmi.

Ketibaan beliau di situ disambut oleh Dr Mahathir.

Perdana Menteri Kemboja itu kemudian memeriksa barisan kehormat yang terdiri daripada pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD).

Beliau kemudiannya diperkenalkan kepada anggota-anggota Kabinet Malaysia dan kor diplomatik.

Pemimpin Kemboja itu akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara, tengah hari ini.

Beliau dijangka mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir pada sebelah petang di Jabatan Perdana Menteri.

Pada sebelah malam beliau akan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Sri Perdana.

-- BERNAMA

ARA PR